

(4) Bagi maksud seksyen ini, “orang yang telahpun mempunyai kaitan dengan syarikat” ertinya—

- (a) anggota sedia ada atau pekerja syarikat itu;
- (b) anggota keluarga seseorang yang menjadi atau telah menjadi anggota atau pekerja syarikat itu;
- (c) pemegang debentur sedia ada syarikat itu; atau
- (d) pemegang amanah, yang bertindak atas sifatnya yang sedemikian, bagi suatu amanah yang benefisiari utamanya ialah seorang yang termasuk dalam mana-mana perenggan (a) hingga (c).

Syarikat berhad menurut jaminan

45. (1) Tiada syarikat melainkan syarikat berhad menurut jaminan boleh dibentuk dengan tujuan yang berikut:

- (a) menyediakan rekreasi atau hiburan;
- (b) menggalakkan perdagangan dan industri;
- (c) menggalakkan seni;
- (d) menggalakkan sains;
- (e) menggalakkan agama;
- (f) menggalakkan kebajikan;
- (g) menggalakkan skim pencen atau persaraan; atau
- (h) menggalakkan apa-apa tujuan lain yang bermanfaat kepada masyarakat atau negara.

(2) Syarikat berhad menurut jaminan hendaklah—

- (a) menggunakan keuntungan atau pendapatannya yang lain dalam mencapai atau menggalakkan tujuannya;
 - (b) melarang pembayaran apa-apa dividen kepada anggotanya; dan
 - (c) menghendaki semua aset yang akan selainnya ada pada anggotanya dipindahkan secara amnya atas penggulangannya sama ada—
 - (i) kepada badan yang lain yang mempunyai tujuan yang sama dengan tujuannya; atau
 - (ii) kepada badan yang lain yang tujuannya adalah untuk menggalakkan kebajikan dan apa-apa perkara yang bersampingan atau kondusif dengan tujuan itu.
- (3) Syarikat berhad menurut jaminan boleh memohon kepada Menteri bagi mendapatkan suatu lesen untuk meninggalkan perkataan “Berhad” atau singkatan “Bhd.” daripada namanya.
- (4) Syarikat berhad menurut jaminan tidak boleh memegang tanah melainkan jika suatu lesen telah didapatkan daripada Menteri.
- (5) Bagi maksud meluluskan lesen di bawah seksyen ini, Menteri boleh menetapkan peraturan-peraturan atau mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Penggal 8

Pejabat Berdaftar dan Daftar

Pejabat berdaftar dan waktu pejabat

46. (1) Sesuatu syarikat hendaklah pada setiap masa mempunyai suatu pejabat berdaftar di Malaysia yang kepadanya semua bentuk komunikasi dan notis boleh ditujukan.